

CNS5082

RGB 17-06 00161 B1-1695

aab

PELABUR JEPUN ERATKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DENGAN MALAYSIA

Mahathir-Jepun

I

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Pelabur-pelabur Jepun di Malaysia telah berjaya mewujudkan batu asas dalam mengeratkan hubungan persahabatan antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelaburan yang dibuat merupakan satu kejayaan besar bagi pelabur Jepun di sini dalam bentuk pulangan modal dan keupayaan mereka menembusi pasaran serantau dan dunia, katanya.

+Bukan sahaja kamu telah dapat memperluaskan operasi untuk memenuhi permintaan luar negeri, bahkan sejak dua dekad lepas, pelaburan kamu di Malaysia telah meningkat dewasa, + katanya.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa keadaan itu mungkin tidak dapat dinikmati tanpa kestabilan politik dan iklim perniagaan yang subur untuk pelaburan.

Dr Mahathir menyebut demikian dalam perutusannya pada persidangan tahunan bersama ke-15 Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA) selama dua hari di Genting Highlands, dekat sini, bermula hari ini. -- Lagi

▼17/06/18-30MST

CNS5099

RGB 17-06 00169 BH696

aab

Mahathir-Jepun 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Jepun kerana persetujuan dan fahamannya dalam menghulurkan skim GSP Jepun untuk tempoh 10 tahun lagi dari Januari tahun ini hingga Mac, 2001.

Dr Mahathir berharap peniaga-peniaga Jepun akan membantu menggalakkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) -- inisiatif Malaysia yang telahpun di terima sebagai cadangan Asean -- bagi mewujudkan satu sistem perdagangan dunia yang terbuka dan bebas.

Katanya, beliau juga berterima kasih kepada Jepun kerana menerima semakin banyak pelajar Malaysia di universiti, kolej dan kilang negara itu.

+Kebanyakan graduan yang pulang ke tanah air mudah diterima bekerja oleh syarikat-syarikat Jepun dan ada antara mereka yang telah ditawarkan kerja ketika pada tahun akhir pengajian di Jepun, + katanya dan memuji JAMECA kerana peranan positifnya dalam pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya, Malaysia menyediakan peruntukan besar untuk perkhidmatan pendidikan di luar negeri bagi membantu kira-kira 60,000 pelajarnya di seberang laut atau separuh daripada permintaan dalam negeri untuk pengajian tinggi. -- Lagi

▼17/06/18-45MST

CNS5141

R GO 17-06 00144 BH699

aab

Mahathir-Jepun 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata amat wajar bagi tuan rumah memilih tema pelancongan +Tahun Melawat Malaysia 1994+, kerana bilangan pelawat dari Jepun adalah b e s a r .

Beliau memberi dua sebab mengapa kerajaan memberi keutamaan kepada industri pelancongan -- perlunya untuk mengekalkan prestasi cemerlang sektor itu semasa Tahun Melawat Malaysia 1990 dan untuk menyekat peningkatan defisit dalam sektor perkhidmatan.

+Sejak pertengahan 80-an, langkah-langkah diperkenalkan untuk mengurangkan defisit itu termasuk mengurangkan import barang-barang seperti bayaran pengangkutan, modal, pendidikan, lawatan masa senang dan kontrak dan perkhidmatan profesional dan barang perkhidmatan eksport seperti pelancongan dan tambang penumpang dan perkhidmatan lain berkaitan dengan perkapalan,+ katanya.

Walaupun pertumbuhan ekonomi berkekalan, sektor perkhidmatan terus menerus menunjukkan defisit dan menjadi masalah utama, katanya.

+Keadaan di jangka bertambah buruk. Defisit itu telah mengikis lebihan yang diperolehi oleh akaun dagangan. -- Lagi

▼17/06/19-15MST

R GB 17-06 00074 BH700

aab

Mahathir-Jepun 4 (Akhir) Kuala Lumpur

+Secara tradisi, kita tidak rncasa bimbang kerana lebihan dalam akaun barang dagangan adalah besar untuk membiayai defisit perkhidmatan yang meningkat.

+Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan kemungkinan untuk tempoh yang panjang, keadaan seumpama i tu akan berubah, + katanya dan menambah kata, beliau sukacita apabila pengelola persidangan memutuskan untuk memberitumpuan kepada isu-isu berkaitan terus dengan masalah itu. -- Bernama

▼17/06/19-22MST